



## SIARAN MEDIA

### **MAKLUMAN PELANJUTAN PENANGGUHAN SEMENTARA KEBENARAN AKTIVITI RENTAS SEMPADAN; DAN KEBENARAN KEMASUKAN DAN KELUAR NEGERI BAGI LIMA BUAH NEGARA DI SUBBENUA INDIA**

***Bandar Seri Begawan, Isnin, 31 Mei 2021***

Berikutan penularan pandemik COVID-19 yang kian meningkat di sebahagian kawasan seluruh dunia, dengan ini, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan merujuk kepada Siaran-siaran Media Jabatan Perdana Menteri mengenai '**Makluman Pelanjutan Penangguhan Sementara Kebenaran Aktiviti Rentas Sempadan**' bertarikh 20 Mei 2021 dan '**Penangguhan Sementara Kebenaran Kemasukan Dan Keluar Negeri Bagi Republik India Dan Lanjutan Ke Empat Buah Negara Di Subbenua India**' bertarikh 17 Mei 2021.

Jabatan Perdana Menteri ingin memaklumkan mengenai **pengemaskinian tarikh-tarikh lanjutan penangguhan sementara bagi kedua-dua perkara tersebut diatas adalah dengan ini diselaraskan**, iaitu:

- 1. Lanjutan penangguhan sementara kebenaran aktiviti rentas sempadan selama dua (2) minggu yang bermula 1 hingga 15 Jun 2021**, iaitu bagi perkara-perkara:
  - 1.1 Penangguhan kebenaran kemasukan warganegara asing melalui pos-pos kawalan darat dan laut termasuk perjalanan *transit*** melintasi Negara Brunei Darussalam, **kecuali** bagi kemasukan atau perjalanan *transit* yang telah diberikan kebenaran oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam;
  - 1.2 Kemasukan dan perjalanan *transit*** melalui Negara Brunei Darussalam **hanya boleh dipertimbangkan** bagi kenderaan-kenderaan yang mempunyai Permit Lintas Batas dan Penyata Kebenaran Transit yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dengan jaminan atau sokongan daripada pihak berkuasa negara yang berkenaan, dengan dikenakan syarat dan prosedur kemasukan yang sedia ada, bagi tujuan berikut:-



- 1.2.1 Atas urusan rasmi Kerajaan;
  - 1.2.2 Persekolahan;
  - 1.2.3 Perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera); dan
  - 1.2.4 *Vaccinated Transport Operators* yang berdaftar di luar negara dengan Permit Lintas Batas yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam bagi penghantaran bekalan import yang penting.
- 1.3 **Penangguhan sementara kebenaran bagi pengambilan dan penghantaran barangan milik individu di lokasi-lokasi khusus di perkarangan sempadan (*checkpoints*) yang dibuat oleh *runners* berdaftar di Negara Brunei Darussalam;** dan
- 1.4 **Penangguhan sementara kebenaran bagi keluar dan masuk negeri secara ulang alik (*commuters*)** melalui pos-pos kawalan darat mahupun laut bagi tujuan pekerjaan.
2. **Lanjutan penangguhan sementara kebenaran kemasukan dan keluar negeri bagi lima buah negara dari subbenua India, iaitu Republik India, Republik Demokratik Persekutuan Nepal, Republik Sosialis Demokratik Sri Lanka, Republik Islam Pakistan dan Republik Rakyat Bangladesh selama dua (2) minggu yang bermula 1 hingga 15 Jun 2021,** iaitu bagi perkara-perkara:
  - 2.1 **Perjalanan masuk semua warganegara asing** yang berlepas dari atau melalui mana-mana lapangan terbang di subbenua India (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh). Walau bagaimanapun, **pemegang paspot diplomatik dan anggota angkatan bersenjata yang ditugaskan di Negara Brunei Darussalam adalah dibolehkan** untuk memasuki negara ini mengikut **Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan.
  - 2.2 Perjalanan warganegara asing yang berlepas dari subbenua India (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh) dengan **melalui Negara Brunei Darussalam secara transit;** dan



**2.3 Perjalanan keluar dari Negara Brunei Darussalam** menuju ke subbenua India (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh) atas apa jua sebab atau urusan. Walau bagaimanapun, **pemegang paspot diplomatik dan anggota angkatan bersenjata yang ditugaskan di negara ini adalah dibolehkan untuk membuat perjalanan keluar negeri** serta warganegara asing yang memegang pas pekerjaan atau pas tanggungan **yang mana telah dibatalkan** ATAU pemegang '*Special Authorization Work Pass*' atau '*Professional Visit Visa*' yang telah bekerja sementara di Negara Brunei Darussalam dan akan kembali ke negara asal masing-masing secara tetap.

**2.4 Penangguhan kebenaran ini juga dikenakan bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran awal untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dari subbenua India (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh) melalui penerbangan yang telah dibenarkan sebelum ini, maka kebenaran tersebut adalah ditarik balik.**

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwal Rentas Sempadan dari semasa ke semasa. Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah menghubungi *travel hotline* di talian **120** semasa waktu bekerja ataupun melalui e-mel kepada [travelapplication@jpm.gov.bn](mailto:travelapplication@jpm.gov.bn).

***JABATAN PERDANA MENTERI***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

18 Syawal 1442  
31 Mei 2021



## MEDIA RELEASE

### **EXTENSION OF TEMPORARY SUSPENSION ON CROSS-BORDER ACTIVITIES; AND TEMPORARY SUSPENSION ON TRAVELLING TO AND FROM FIVE COUNTRIES OF THE INDIAN SUBCONTINENT**

***Bandar Seri Begawan, Monday, 31<sup>st</sup> May 2021***

Following the rapid spread of the COVID-19 pandemic in some areas of the world, in this regard, with the consent of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and in reference to the Media Releases issued by the Prime Minister's Office on the '**Extended Temporary Suspension On Cross-Border Activities**' and '**Temporary Suspension On Travelling To And From The Republic Of India, Extended To Four Countries From The Indian Subcontinent**' dated 20<sup>th</sup> May 2021 and 17<sup>th</sup> May 2021, respectively.

The Prime Minister's Office would like to inform that **the extension of the temporary suspensions as mentioned above are as follows:**

- 1. Temporary suspension on cross-border activities is extended by two (2) weeks, from 1<sup>st</sup> to 15<sup>th</sup> June 2021, which applies to:**
  - 1.1 Temporary suspension on entry of foreign nationals via land and sea ports, including transits through Brunei Darussalam, except for entry and transit travels that have been granted approval by the Government of Brunei Darussalam;**
  - 1.2 Entry and transits through Brunei Darussalam **may only be considered** for transit vehicles with Transit Permits that are issued by the Government of Brunei Darussalam, provided that the travellers have attained endorsement from their local authorities for their travels, and will be subject to existing entry conditions and procedures, for the following purposes:**
    - 1.2.1 Official Government travels;**
    - 1.2.2 Students who are required to attend school;**
    - 1.2.3 Emergency services (such as ambulances, police and military); and**



- 1.2.4** Vaccinated foreign-registered transport operators with Cross-Country Permits issued by the Government of Brunei Darussalam for import deliveries of essential goods.
- 1.3** **Temporary suspension on the collection and delivery of private goods at checkpoints handled by runners registered in Brunei Darussalam;** and
- 1.4** **Temporary suspension on commuters via land and sea for the purpose of work.**
- 2. Temporary suspension on travelling to and from five countries from the Indian subcontinent, namely the Republic of India; the Federal Democratic Republic of Nepal, the Democratic Socialist Republic of Sri Lanka, the Islamic Republic of Pakistan and the People’s Republic of Bangladesh is also extended by two (2) weeks, from 1<sup>st</sup> to 15<sup>th</sup> June 2021,** which applies to:
- 2.1** **Entry travels of all foreign nationals** departing from or through any airport in the Indian subcontinent (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan and Bangladesh). However, **diplomatic passport holders and members of the armed forces working in Brunei Darussalam are allowed to enter the country in accordance with the Ministry of Health’s Standard Operating Procedures (SOPs).**
- 2.2** **Transits through Brunei Darussalam** for all foreign nationals departing from the Indian subcontinent (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan and Bangladesh); and
- 2.3** **Exit-country travels from Brunei Darussalam** to the Indian subcontinent (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan and Bangladesh) for any reason or business matters. However, **diplomatic passport holders and members of the armed forces working in Brunei Darussalam are allowed to exit the country** as well as foreign nationals who hold an employment or dependent’s pass **which have been revoked/cancelled** OR the holders of the ‘Special Authorization Work Pass’ or ‘Professional Visit Visa’ who worked temporarily in Brunei Darussalam and will be returning to their respective countries permanently.



**2.4 Temporary suspension also applies to foreign nationals who have been granted pre-approvals to enter Brunei Darussalam from the Indian subcontinent (India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan and Bangladesh) via pre-authorized flights, which have therefore been suspended.**

The conditions for the consideration of entry and exit travel mentioned above are subject to review by the Cross-Border Affairs Steering Committee from time to time. For further information and details, please contact our operators at the travel hotline **120** during working hours or via e-mail at [travelapplication@jpm.gov.bn](mailto:travelapplication@jpm.gov.bn).

***PRIME MINISTER'S OFFICE***

Jalan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan BB3913  
Negara Brunei Darussalam

18<sup>th</sup> Syawal 1442  
31<sup>st</sup> May 2021